

Spoonfull pupuk budaya, amalan makanan sihat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Sebagai salah satu langkah dalam mempromosi kesihatan dan mencegah Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyokong persekitaran yang sihat dalam mempromosi kesihatan.

Persekitaran yang sihat merupakan tempat atau persekitaran sosial, di mana orang ramai, organisasi atau individu boleh melakukan aktiviti harian dan berinteraksi dengan suasana persekitaran yang bersih dan selesa, suasana seumpama ini turut

membawa pengaruh yang baik bagi kesihatan juga kesejahteraan.

Salah satu persekitaran sihat yang digalakkan adalah tempat makan, seperti restoran atau kafe.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan mengenal pasti tempat makan, seperti restoran adalah rakan kongsi strategik yang sangat penting dalam mempromosi pemakanan sihat dan meningkatkan pelbagai pilihan produk lebih sihat di Negara Brunei Darussalam.

Salah satu inisiatif bagi menyokong pemakanan sihat di negara ini adalah Program Restoran Sihat yang dilaksanakan

oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, bertujuan untuk menyediakan pasaran tempatan yang kondusif dalam menyokong pilihan makanan lebih sihat dan memupuk budaya juga amalan pilihan makanan lebih sihat dalam kalangan pemilik, pengurus dan pelanggan kedai-kedai makanan.

Program ini menggalakkan restoran untuk menyediakan pilihan makanan lebih sihat, seperti kurang gula, kurang garam atau kurang minyak kepada para pelanggan.

Restoran yang ikut serta perlu menyediakan sekurang-kurangnya 25 peratus menu pilihan lebih sihat mengikut garis panduan yang disediakan oleh Pusat Promosi Kesihatan.

Makanan dan minuman yang dikategorikan sebagai pilihan lebih sihat akan dilabel dengan Logo Pilihan Lebih Sihat di dalam menu.

Sebanyak 14 buah restoran mengikuti program berkenaan, termasuk Restoran Spoonfull yang dilancarkan, di sini.

Sejumlah 35 peratus menu Restoran Spoonfull dikategorikan sebagai pilihan lebih sihat.

Tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Restoran Sihat di Restoran Spoonfull, Pegawai Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yusof.

Dengan adanya Majlis Pelancaran Program Restoran Sihat itu, adalah diharapkan lebih banyak restoran-restoran di Negara Brunei Darussalam akan



PEGAWAI Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yusof selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil penyertaan kepada pemilik Restoran Spoonfull berkenaan.

mengambil kesempatan dalam menyediakan pilihan lebih sihat di dalam menu.

Pada masa yang sama, dapat memenuhi keperluan pelanggan yang peka terhadap berat badan atau mereka yang menghidap penyakit kronik atau mereka yang hanya mahukan pilihan yang lebih

sihat.

Dalam masa yang sama, bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam mencapai Visi 2035 Kementerian berkenaan, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan Wawasan Brunei 2035 : 'Kualiti Kehidupan yang Tinggi'.



TETAMU kehormat majlis (tengah) pada Majlis Pelancaran Program Restoran Sihat di Restoran Spoonfull tersebut.

UNISSA bukannya pendaftaran Bengkel Syariah

Siaran Akhbar dan Infografik :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) menawarkan Bengkel Syariah Governance and Corporate Governance Guideline for Financial (FIs) in Brunei Darussalam kepada

pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia juga orang ramai yang berminat untuk mempertingkatkan dan menaik taraf profesionalisme jawatan masing-masing.

Adapun tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan kefahaman yang

mendalam mengenai urus tadbir Syariah, menyediakan Step by Step Guidance tentang kaedah penyediaan polisi di dalam sesebuah organisasi berdasarkan tatacara atau garis panduan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) juga memberikan pendedahan kepada para peserta tentang kaedah penganalisaan pemakaian urus tadbir korporat yang sesuai dengan perbankan Islam.

Bengkel Syariah Governance and Corporate Governance Guideline for Financial (FIs) in Brunei Darussalam, disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Dr. Hakimah binti Haji Yaacob, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam.

Bengkel tersebut akan diadakan pada 14 November 2020, selama satu hari, di Kampus UNISSA, dengan yuran BND100, bagi setiap seorang peserta.

Untuk pendaftaran, sila layari pautan : <https://bit.ly/FEKIM3>.

Tarikh akhir pendaftaran, tidak lewat Isnin, 26 Oktober 2020.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi Dayang Noorhizrah binti Mohammad menerusi talian +673 2462000 sambungan 202 / 204 atau e-mel ke noorhizrah.mohammad@unissa.edu.bn atau c4l@unissa.edu.bn.

1,840 karton rokok pelbagai jenama dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



RONDAAN Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berhasil memberkas seorang lelaki tempatan kerana membawa barang tegahan, iaitu rokok pelbagai jenama sebanyak 1,840 karton.

MUARA, Isnin, 19 Oktober. - Semasa rondaan rutin yang dikendalikan oleh Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memberkas seorang lelaki, warga tempatan kerana membawa bersamanya barang tegahan, iaitu rokok.

Sebanyak 1,840 karton barang tegahan, iaitu rokok pelbagai jenama berjaya dirampas, hasil daripada penahanan berkenaan.

Rondaan sungai yang dijalankan pada waktu malam, 18 Oktober 2020 itu menerima maklumat daripada orang awam mengenai dua buah bot yang mencurigakan menghala ke Sungai Menunggol.

Semasa pihak polis mendekati kawasan sungai berkenaan, kehadiran pihak polis disedari suspek dan suspek terus mengubah haluan dengan tujuan untuk melarikan diri.

Siasatan dan pemeriksaan lanjut ke atas suspek, pihak polis menemui kotak-kotak berisi rokok yang cuba disembunyikan berdekatan dari bot suspek ditemui.

Suspek bersama barang-barang tegahan segera dipungkah dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Marin untuk dijalankan siasatan awal. Seterusnya, kes ini diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan lanjut.

PPDB akan terus meningkatkan lagi rondaan dan pemantauan dalam menangani apa juga aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk kegiatan penyeludupan dari semasa ke semasa, khususnya di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

SHARIAH GOVERNANCE & CORPORATE GOVERNANCE GUIDELINE FOR FINANCIAL INSTITUTIONS (FIS) IN BRUNEI DARUSSALAM

IN-HOUSE TRAINING SERIES

FACILITATOR: DR. HAKIMAH HAJI YAACOB, SENIOR ASSISTANT PROFESSOR, FACULTY OF ISLAMIC ECONOMIC & FINANCE

DATE: 14 NOVEMBER 2020
TIME: 8.00 AM - 5.00 PM
VENUE: TRAINING ROOM L1.3, UNISSA

For More Information, Please Contact:
Centre for Leadership and Lifelong Learning
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Singapore 347, Jalan Pagar Gudang,
Gedung B8 1310
Negeri Brunei Darussalam
Tel: 2866 ext 294/281
Email: ce4l@unissa.edu.bn / nlb@unissa.edu.bn
Website: ce4l.unissa.edu.bn

FEES: \$100.00

TO REGISTER PLEASE SCAN QR CODE